

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mempelawa Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor**) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut :

Bil.	Skim Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan	Gred	Taraf Lantikan	Kekosongan
1	Jurutera	Kejuruteraan	J41	Tetap	1
2	Penolong Pegawai Sains	Sains	C29	Kontrak	1
3	Pemandu Kenderaan	Kemahiran	H11	Kontrak	1
Jumlah jawatan ditawarkan LUAS					3

SKIM PERKHIDMATAN : **JURUTERA**
 KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
 GRED JAWATAN/GAJI : J41
 TARAF LANTIKAN : TETAP

JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,529.00	RM9,643.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred J41: RM2,529.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- (3) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1; dan
(ii) lulus Peperiksaan Badan Iktisias Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - had umur pelantikan:
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paks 55 atau 56 tahun; atau
 - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paks 58 tahun; atau
 - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paks 60 tahun.

SKIM PERKHIDMATAN : **PENOLONG PEGAWAI SAINS**
 KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SAINS
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
 GRED JAWATAN/GAJI : C29
 TARAF LANTIKAN : KONTRAK (**CONTRACT OF SERVICE**)

JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,505.00	RM5,696.00	RM145.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan mendapat principal dalam subjek Matematik atau Sains pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji Permulaan pada Gred C29 : RM1,505.00); atau
 - Diploma dalam bidang sains atau teknologi makmal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred C29 : RM1,782.91); atau
 - Diploma dalam bidang kimia industri atau mikrobiologi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred C29 : RM1,858.12).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- (3) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Makmal adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Sains Gred C29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - had umur pelantikan:
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paks 55 atau 56 tahun; atau
 - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paks 58 tahun; atau
 - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paks 60 tahun.

SKIM PERKHIDMATAN : **PEMANDU KENDERAAN**
 KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
 GRED JAWATAN/GAJI : H11
 TARAF LANTIKAN : KONTRAK (**CONTRACT OF SERVICE**)

JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,218.00	RM2,939.00	RM80.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
- Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:
- Lesen D : RM1,264.15
 - Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
 - Lesen F/H : RM1,356.45
 - Lesen G/I : RM1,402.60

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERINGATAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- (2) Bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam, calon yang memohon jawatan yang ditawarkan Lembaga perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** seperti berikut:
- lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
 - lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
 - memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu iaitu Kepujian dan subjek-subjek tertentu seperti mana yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

SYARAT PERMOHONAN

- (1) Permohonan hendaklah menggunakan borang Pindaan. LUAS 2/2007 berharga RM1.00 yang boleh diperolehi di Tingkat 13, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sahaja.
- (2) Penetapan pelantikan pegawai Perkhidmatan Awam di pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:
- Pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
 - Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
 - pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun.
- Pembuktian bagi mana-mana syarat pada perenggan seperti maksud di atas hendaklah dikemukakan melalui dokumen yang sah di sisi undang-undang dan **beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.**
- (3) Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan dokumen yang berikut (**keperluan pengesahan dokumen berkaitan tidak diperlukan**):
- Salinan Kad Pengenalan.
 - Salinan Surat Beranak.
 - Salinan sijil PMR/SPM/SVM
***mana-mana yang berkaitan**
 - Salinan Sijil Berhenti Sekolah terakhir
 - Salinan sijil-sijil kelayakan akademik dan salinan transkrip bagi sijil yang berkenaan.
 - Gambar berukuran pasport.
- (4) Pegawai-Pegawai Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memohon melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan mengemukakan salinan rekod Kenyataan Perkhidmatan (Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan ; BRP) yang terkini dan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang disahkan.
- (5) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak.
- (6) Hanya calon yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
- (7) Pihak Lembaga tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.
- (8) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat, dan ditulis nama jawatan yang dipohon di sebelah atas kiri sampul surat berkenaan dengan HURUF BESAR.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

**PENGARAH,
 LEMBAGA URUS AIR SELANGOR,
 TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
 NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14,
 40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
 (U/P : UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INTEGRITI)**

Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari **29 April 2019 (Isnin).**